

PM lawat Mazak pembina sistem siber pertama dunia

UM - 8 JUN 2000
Daripada AZIZ ISHAK

NAGOYA 7 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meluangkan masa lebih empat jam melawat dua buah kilang Yamazaki Mazak di sini, yang membangunkan sistem kilang siber yang pertama dunia.

Kedua-dua kilang itu, Oguchi dan Minokamo, terletak di sini, merupakan destinasi pertama lawatan selama seminggu Dr. Mahathir ke Jepun.

Ketibaan beliau ke ibu pejabat kilang tersebut di Oguchi disambut oleh Presiden Yamazaki Mazak, Terry Yamazaki.

Perdana Menteri kemudian mendengar taklimat mengenai pencapaian dan wawasan syarikat tersebut yang telah diasaskan pada tahun 1919.

Yamazaki Mazak adalah sebuah syarikat terkemuka dalam industri pembuatan mesin berkomputer dan peralatan mesin untuk pelbagai sektor seperti aeroangkasa, automotif dan semikonduktor dengan menggunakan teknologi multimedia.

Pada tahun 1998, syarikat berkenaan membangunkan sistem kilang siber

dalam proses pengeluarannya.

Setiap proses pengeluaran boleh dipantau dan dikawal selia biarpun dari bilik tidur di rumah.

Sistem tersebut juga membolehkan jurutera-jurutera syarikat berkenaan mengenal pasti dan memberi nasihat serta panduan terhadap masalah berkaitan mesin para pelanggan yang berada di seberang laut.

Dalam kunjungan Dr. Mahathir hari ini, beliau dapat melihat sendiri penggunaan kamera video berkelajuan tinggi yang merakamkan pada masa nyata setiap perkembangan pengeluaran.

Antara ciri utama sistem berkenaan ialah Kawalan Berkomputer Numerik (CNC).

Beliau juga menyaksikan operasi kilang Yamazaki Mazak di seberang laut menerusi teknologi multimedia.

Perdana Menteri juga tertarik dengan pengurusan digital di kilang tersebut, yang tidak menggunakan sama sekali kertas selain teknologi terkini seperti kerja-kerja pemotongan bahan termasuk besi keluli menggunakan sistem laser.

Yamazaki Mazak mempunyai kira-kira 4.000 pekerja dan rangkaian kilang, pusat teknologi, pusat teknikal serta pejabat perwakilan di seberang laut termasuk di Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Jerman dan Itali.

Turut mengiringi Dr. Mahathir dalam lawatan tersebut ialah Pengarah Urusan Kumpulan SME Industries, Tan Sri Ahmad Johan, Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Profesor Omar Abdul Rahman, Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Marzuki Mohd. Nor dan Ketua Pegawai Eksekutif Taman Teknologi Malaysia, Datuk Dr. Mohamad Salleh Ismail.

Esok, Dr. Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali akan berlepas ke Tokyo bagi meneruskan lawatan kerja ke negara matahari terbit ini.

Beliau dijadualkan menemui Perdana Menteri Jepun, Yoshiro Mori dan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid selain menghadiri upacara pengkebumian bekas Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi, pada hari yang sama. — *Utusan*